

Tawar rumah PPR

Tiada pampasan diberikan kepada pemilik rumah yang diroboh untuk projek KRC

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Pemilik enam buah rumah yang dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembangunan Kedah Rubber City (KRC) di Padang Terap akan ditawarkan pembelian rumah Program Perumahan Rakyat (PPR).

Menteri Besar Kedah, Da-



MUKHRIZ

tuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, mereka akan diberikan keutamaan dalam senarai menunggu pembeli rumah terabit.

Bagaimanapun katanya,

tiada pampasan diberikan kerana kesemua rumah terabit dibina di atas tanah milik kerajaan.

"Apabila beroperasi atas tanah kerajaan tanpa lesen, tiada pampasan diberikan setelah pengambilan tanah oleh kerajaan Persekutuan yang juga pemilik kawasan itu untuk membangunkan KRC.

"Rundingan dan notis berpindah telah diberi secukupnya sejak tahun 2017," katanya pada sidang media selepas pelancaran program latihan industri 4.0 Malaysian German Chamber of Commerce (MGCC) di Wisma Darul Aman semalam.

Mukhriz berkata, proses perobohan turut melibatkan sebuah stesen minyak dan

mendapat kerjasama baik daripada pemilik.

Kelmarin, seorang pengusaha stesen minyak di Kampung Padang Cenderai kecewa apabila tidak menerima pampasan bagi premis perniagaannya yang terlibat dengan projek KRC.

Menurutnya, pada Disember 2016 pihaknya menerima surat memaklumkan premis perniagaannya terlibat dengan projek itu dan proses pengambilan tanah akan dilaksanakan.

Penduduk terlibat dipanggil berbincang pada Mei 2017 dan pampasan tanah dibayar kepada tuan tanah namun pengusaha stesen minyak terabit tidak diberikan pampasan kerana melanggar syarat status tanah pertanian.